maksud makna seksyen itu ialah bahawa kebenaran itu diperlukan cuma apabila, khususnya, plaintif hendak bertindak keatas jaminan itu. Tetapi, saya rasa seksyen itu sendiri telah memberi jawapan atas apakan kedudukan yang sebenarnya atas hal ini, kerana apa yang ditegaskan oleh seksyen itu ialah perkara yang bersabit dengan pelaksanaan (performance), bermakna, soal samada kontrak itu sah pada segi undang-undang diadakan sudah tidak dipertikaikan. Tetapi, sebaliknya soal kita disini ialah kesahihan kontrak itu, iaitu jaminan itu sendiri, kerana, kalau ia tidak sahih bagaimanakah ia boleh dilaksanakan. Jika apa yang saya katakan ini bukan maknanya, ia akan bermakna pihak-pihak yang terlibat boleh mengelak dari larangan yang dikenakan oleh s 4 itu, dengan membuat persetujuan antara kedua pihak mengelaknya. Dan kalau ini maknanya, bermakna perkara yang salah itu boleh dibuat terlebih dahulu sebelum kebenaran itu diperolehi; yang demikian, apakah soal kebenaran itu berbangkit lagi? Hujah plaintif itu jelas akan memusnah dan mensia-siakan sahaja tujuan seksyen itu.

Seterusnya, apakah s 4 jadual 4 itu pula boleh mempertahankan kedudukan plaintif, semacam mana dakwaannya, kerana katanya s 4 itu berkata, segala tuntutan bagi menuntut hutang tidak boleh dipatahkan semata-mata atas sebab hutang itu tidak boleh dibayar tanpa kebenaran Pengawal itu diperolehi. Bermakna, tuntutan hutang itu boleh dibuat dahulu tetapi apabila hendak dibayar baharulah soal mendapatkan kebenaran itu berbangkit dan diuruskan. Tetapi kita lihat s 1 jadual 4 itu diawal-awal lagi telah membabitkan Bahagian III (Part III) yang melibatkan Bab pembayaran. Dan membuat pembayaran, sepertimana yang saya katakan diatas, adalah cuma satu langkah didalam tindakan pelaksanaan. Dan saya telah menyatakan bahawa soal pelaksanaan adalah berasingan sama sekali dari soal perbuatan yang menimbulkan pelaksanaan itu. Kerana, kesahihan perbuatan itu perlulah diputuskan terlebih dahulu sebelum soal pelaksanaan itu boleh berbangkit. Kerana, kalau sesuatu perbuatan itu tidak sah, apakah yang hendak dilaksanakan. Maksud pihak plaintif berkata bahawa defendan berhutang kepadanya ialah kerana Syarikat Votier telah berhutang kepadanya (plaintiff). Dan, oleh sebab pihak defendan telah menjamin pembayaran-pembayaran Votier, maka tidak dapat tidak pihak defendan adalah juga terhutang kepada pihak plaintif. Hujah ini mungkin benar, tetapi, sekali pun begitu, tanggungan defendan adalah ternyata bergantung kepada jaminannya itu dibuktikan sahih. Kerana ianya disangkal, bagaimanakah pelaksanaan itu berbangkit dan tidak dapat dielakkan, bagaimanakah tindakan menuntut hutang itu boleh diambil. Didalam hal ini saya telah ditarik perhatian oleh pihak plaintif kepada beberapa kes yang dikatakannya menyokong kedudukannya. Kes *Bauche* lwn *Woodhouse*[1] itu bukan kes jaminan dan ia adalah bersabit dengan s 5 (iaitu s 8 di sini) berhubung dengan soal pembayaran, iaitu soal *pelaksanaan*. Kes *Contract & Trading Co Ltd* lwn *Barbey*[2] adalah juga bersabit dengan s 5 (s 8 di sini). Kes *Bank of India* lwn *Trans Continental Commodity Merchants & Arms* yang diputuskan oleh Wahab Ghouse J itu, dengan segala hormatnya, adalah agak mengelirukan kerana dia seolah-olah menyatakan bahawa soal hak membuat sesuatu dan pelaksanaannya itu adalah soal yang sama, yang saya berpendapat, sepertimana yang saya telah huraikan, tidak benar. Adalah jelas oleh itu, bahawa kes-kes ini adalah bersabit dengan soal pembayaran, iaitu soal pelaksanaan, dimana hak seseorang melakukan sesuatu perbuatan itu tidak dipertikai dan disoal lagi. Atau, keadaan kes-kes itu tidak serupa dengan keadaan kes di sini. Tetapi, di sini ternyata kita masih di dalam peringkat menentukan samada pihak plaintif mempunyai hak tersebut. Sedikit sebanyak saya telah menyatakan ia belum berhak.

Pihak plaintif berkata pihak defendan tidak berhak menentang tuntutannya di bawah Perintah 14 kerana pihak defendan telah mengaku terhutang kepada plaintiff kerana ia telah membuat sebahagian dari bayaran yang dituntut. Tetapi apakah permohonan ini tidak dibuat di bawah Perintah 27(3)? Sepertimana saya juga difahamkan sebelum sesuatu pengakuan itu menjadi hakikat dan mengikat pihak yang terlibat, akibatnya itu pada segi undang-undang hendaklah difahamkan (explained) kepada pihak yang berkenaan, jika tidak, ia tidak memberi kesan apa-apa (lihat *Halsbury's* jilid 36 cetakan 3, muka 444 di bawah nota (q). Pihak defendan bagaimanapun, menafikan ada membuat bayaran-bayaran itu. Maka kesahihan kenyataan ini perlulah dibuktikan di masa perbicaraan terlebih dahulu.

Saya memutuskan oleh itu bahawa permohonan ini dibenarkan dengan bayaran kos.

Permohonan dibenarkan.

Peguam: *Skrine & Co*; *Chooi & Co*; *Adnan Sundra & Low.*

Dilaporkan oleh *Prof Ahmad Ibrahim*

Syarikat Yew Hock Seng Building Construction lwn Sim Lian Huat Holdings Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) – GUAMAN SIVIL NO F23-245-86
ABDUL RAZAK H
2 MAC 1989

Acara Sivil – Keputusan oleh penolong kanan pendaftar memansuhkan pembelaan dan tuntutan balas defendan dan membenarkan jumlah yang dituntut oleh plaintif – Rayuan – Perjanjian mendirikan rumah terrace – Perakuan arkitek – Samaada muktamad – Pertelingkahan antara dua pihak adalah wajar dibicarakan – Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Perintah 18

Didalam kes ini pihak defendan telah merayu supaya keputusan yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar di bawah Perin-

tah 18 memansuhkan pembelaan dan tuntutan balasnya dan membenarkan jumlah yang dituntut oleh plaintif sebanyak $138,200.69 bersama-sama dengan faedah sebanyak $76,755.43 diketepikan. Dibawah satu kontrak antara kedua pihak plaintif telah dilantik sebagai kontraktor bagi mendirikan 17 unit rumah terrace di Klang. Perjanjian itu memperuntukkan bahawa pihak defendan akan membayar mengikut kemajuan atas tiap-tiap kerja yang telah dilaksanakan dan bahan-bahan yang telah diserah ke tempat kerja, berasaskan kepada perakuan bagi pembayaran kemajuan yang dikeluarkan oleh arkitek yang telah dilantik. Bayaran-bayaran di bawah perakuan itu hendaklah dijelaskan dalam masa 14 hari dari tarikh yang dikeluarkan. Plaintif berkata adalah juga dipersetujui melalui surat di antara kedua pihak bahawa defendan akan membayar faedah atas segala bayaran yang terlewat dijelaskan atas kadar 14% setahun. Plaintiff mendakwa bahawa defendan masih terhutang kepadanya sebanyak yang dituntut. Pihak defendan berkata bahawa plaintif telah gagal mematuhi spesifikasi-spesifikasi yang telah diatur dibawah perjanjian bagi mendirikan bangunan-bangunan tersebut. Arkitek berkenaan telah mengarahkan pihak plaintif memperbaiki kerja-kerja yang telah disiapkan sepertimana dirujukkan dibawah perakuan arkiteknya itu akan tetapi kerja-kerja membaiki itu belum disempurnakan. Defendan mendakwa bahawa pihak plaintif telah gagal menyiapkan kerja-kerjanya di dalam masa yang telah ditetapkan dibawah perjanjian. Oleh kerana mutu kerja yang ditunjukkan adalah amat buruk pihak defendan telah gagal mendapatkan perakuan kesuaian bagi bangunan-bangunan tersebut. Dia menuntut balas pula sebaliknya atas kecewaan kerja yang telah dilakukan oleh pihak plaintif. Permohonan plaintif supaya penghakiman dijatuhkan di masa ini adalah berdasarkan kepada hakikat katanya bahawa pihak arkitek telah mengeluarkan perakuan-perakuan pembayaran kemajuan yang terakhir menyokong tuntutannya. Pihak defendan pula berkata ia enggan membayar bayaran-banyaran yang dituntut kerana pihak plaintif telah gagal menyiapkan bangunan-bangunan yang didirikannya dengan sempurna dan mengikut semacam mana yang diharapkan.

Diputuskan, membenarkan permohonan ulangbicara:

(1) Adalah wajar sekali pertelingkahan diantara kedua pihak dibicarakan dan keputusan penolong kanan pendaftar memutuskan bahawa pembelaan defendan itu tidak berasas sama sekali hendaklah diketepikan;

(2) Didalam kes ini perakuan arkitek itu sahaja mengikut fasal 30(7) didalam kontrak tidak boleh dikatakan muktamad atau kata pemutus. Dakwaan bahawa perakuan itu sendiri sakti dan tidak boleh disoal tidak boleh diterima kerana orang yang membuat dokumen itu sendiri menyatakan ia tidak sakti, kerana mengandungi beberapa kecacatan dan kenyataan itu dibuat selepas perakuan terakhir itu telah dikeluarkan.

Kes-kes rujukan

1 *Dawnays Ltd* lwn *FG Minter Ltd & Anor* [1971] 2 All ER 1389 (dirujuk)
2 *Gilbert-Ash (Northern) Ltd* lwn *Modern Engineering (Bristol) Ltd* [1974] AC 689 (dirujuk)
3 *Mottram Consultants Ltd* lwn *Bernad Surley & Sons* [1975] 2 MLJ 197 (dirujuk)

Undang-Undang rujukan

Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 Perintah 18

[This was an appeal against the decision of the senior assistant registrar who had ordered that the defence and counterclaim of the defendant be struck out. The plaintiff, a building contractor had claimed the sum certified by the architect as due under a final certificate. The defence and counterclaim were in respect of delay and defects in the work and the architect had required the plaintiff to remedy the defects. The learned judge set aside the order of the senior assistant registrar as he held there were triable issues. The certificate of the architect could not be regarded as final, especially as the architect himself had stated it was not final, as there were defects to be remedied.]

Abdul Razak H: Rayuan di hadapan saya oleh pihak defendan ialah supaya keputusan yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar di bawah Perintah 18 memansuhkan pembelaan dan tuntutan balasnya itu, dan membenarkan jumlah yang dituntut oleh plaintif sebanyak $138,250.69, bersama-sama dengan faedah sebanyak $76,755.43 itu diketepikan.

Persengketaan kedua pihak berbangkit dari satu tuntutan writ yang dibuat oleh plaintif, terhadap defendan. Di bawah satu kontrak bertarikh 24 Jun 1984, antara kedua pihak, plaintif telah dilantik sebagai kontraktor bagi mendirikan 17 unit rumah terrace dua tingkat di atas lot yang dinyatakan di dalam kenyataan tuntutan plaintif, di Jalan Sungai Bertek, Klang. Perjanjian itu berkata bahawa pihak defendan sebagai pemaju, akan membayar kepada plaintif sebanyak $1,018,330.20 iaitu bayaran yang dikenakan bagi mengendalikan semua kerja di bawah kontrak itu. Adalah juga syarat perjanjian bahawa pihak defendan akan membayar, mengikut kemajuan, (progressively), atas tiap-tiap kerja yang telah dilaksanakan dan bahan-bahan yang telah diserah ke tempat kerja, berasaskan kepada perakuan bagi pembayaran kemajuan (progress payment certificate) yang dikeluarkan oleh arkitek yang telah dilantik, iaitu Messrs Chong Keat Yang. Bayaran-bayaran di bawah perakuan itu hendaklah dijelaskan di dalam masa 14 hari dari tarikh ia dikeluarkan. Plaintif berkata, di bawah satu surat bertarikh 21 April 1986, adalah juga dipersetujui di antara kedua pihak, bahawa defendan akan membayar faedah atas segala bayaran di bawah perakuan itu yang terlewat dijelaskan atas kadar 14% setahun.

Katanya pihak defendan telah berturut kali gagal membuat bayaran-bayaran tersebut; butir-butir pembayaran itu telah dilampirkan bersama-sama kenyataan itu. Setakat ini pihak defendan masih terhutang kepadanya sebanyak yang dituntut; akhir kata, menuntut jumlah-jumlah itu. Pihak defendan mengakui perjanjian yang dibabitkan, dan jumlah harga kontrak itu keseluruhannya, tetapi menafikan atas cara pembayaran yang didakwa; juga faedah yang dibangkitkan, dan meminta plaintif membuktikannya dengan nyata. Ia berkata bahawa plaintif telah gagal mematuhi spesifikasi-spesifikasi yang telah diatur (laid down) di bawah perjanjian bagi mendirikan bangunan-bangunan tersebut. Di dalam satu surat bertarikh 11 November 1986, arkitek berkenaan telah mengarahkan pihak plaintif memperbaiki (rectify) kerja-kerja yang telah disiapkan, sepertimana dirujukkan di bawah perakuan arkiteknya itu. Perkara-perkara yang perlu dibaiki itu ada tersebut di dalam pembelaan itu. Katanya kerja-kerja membaiki itu belum disempurna-

kan. Defendan mendakwa bahawa pihak plaintif telah gagal menyiapkan kerja-kerjanya di dalam masa yang telah ditetapkan di bawah perjanjian. Oleh kerana mutu kerja yang ditunjukkan adalah amat buruk pihak defendan telah gagal mendapatkan perakuan kesuaian (certificate of fitness) bagi bangunan-bangunan tersebut. Dia menuntut balas pula sebaliknya atas kecewaan kerja yang telah dilakukan oleh pihak plaintif.

Pada pendapat saya adalah wajar sekali pertelingkahan di antara dua pihak ini dibicarakan dan keputusan penolong kanan pendaftar memutuskan bahawa pembelaan defendan itu tidak berasas sama sekali, hendaklah diketepikan, atas beberapa sebab.

Permohonan plaintif supaya penghakiman dijatuhkan di masa ini adalah berdasarkan kepada hakikat katanya bahawa pihak arkitek telah mengeluarkan perakuan-perakuan pembayaran kemajuan yang terakhir (final certificate) menyokong tuntutannya. Bukan itu sahaja, tetapi Majlis Bandaran juga telah mengeluarkan perakuan kesuaian bagi rumah-rumah itu untuk diduduki. Tetapi, adakah perakuan-perakuan ini kata pemutus dan muktamad di dalam hal ini, memandangkan kepada apa yang kita telah lihat. Pihak defendan berkata ia enggan membayar bayaran-bayaran yang dituntut kerana pihak plaintif telah gagal menyiapkan bangunan-bangunan yang didirikannya dengan sempurna dan mengikut semacam mana yang diharapkan. Sepertimana kita telah lihat dia telah mendedahkan surat dari pihak arkitek sendiri kepada pihak plaintif yang menghendaki ia mengambil beberapa tindakan membaiki bangunan-bangunan berkenaan, seperti:

(a) Membetulkan retakan-retakan yang ternampak di muka dinding.
(b) Menggantikan pintu yang hala ke dapor, dari 2' 6" kepada 3', bermakna diperbesarkan.

Surat itu juga kita lihat menyatakan bahawa kerja-kerja ini telah dipersetujui oleh pihak plaintif sendiri.

Satu perkara yang amat penting dapat dilihat di sini yang sekali gus bertindak mematahkan dakwaan plaintif ialah bahawa ia berhak kepada pembayaran-pembayaran di bawah perakuan arkitek itu semata-mata atas perakuan itu sahaja mengikut fasal 30(7) di dalam kontrak. Pokoknya dakwaan ini ialah kesaktian pasal itu ialah kerana perakuan itu sendiri sakti dan tidak boleh disoal; wang yang ditonjolkan itu wajib dibayar. Tetapi, kalau orang yang membuat dokumen itu sakti, sendiri menyatakannya ia tidak sakti, kerana mengandungi beberapa kecacatan, dan kenyataan itu dibuat selepas perakuan terakhir itu telah dikeluarkan, bagaimanakah perakuan itu boleh dikatakan muktamad dan kata pemutus? Kita harus memerhatikan bahawa surat itu telah dihantar pada 11 November 1986 iaitu setelah enam bulan bangunan-bangunan itu dijangkakan siap, mengikut perjanjian, iaitu pada 15 May 1986. Tetapi, apa yang jadi sebaliknya ialah, rumah sudah siap pahat masih berbunyi! Memang kita sedar pihak plaintif berkata segala kerosakan-kerosakan itu telah dibaiki, tetapi manakah buktinya – dari pihak plaintif sendiri yang jelas telah tidak berterus terang atau, melalui arkitek tadi yang telah dengan tidak segan malu menyatakan, dengan tidak secara langsung, perakuannya itu bukan semestinya muktamad? Perakuan Majlis Bandaran juga telah dibangkitkan oleh plaintif sebagai menyokong bahawa kerja-kerja telah semua beres. Tetapi cuba dilihat. Perakuan yang diberi oleh Majlis Bandaran mengatakan bangunan-bangunan itu boleh diduduki, ialah pada 6 Januari 1987. Sambil itu pihak defendan telah mengarahkan satu perunding harta, Jordan & Jaafar, membuat suatu lapuran atas kerosakan-kerosakan atau kecacatan ke atas bangunan-bangunan tersebut. Pihak peguam telah tidak berkata sepatah apa katapun, menyoal atau menyangkal atas kewibawaan pihak perunding itu memberi lapurannya, atau atas lapuran itu sendiri. Ada tiga lapuran kesemuanya dibuat di mana mereka telah menunjukkan dengan jelas sekali melalui gambar-gambar (photographs), kecacatan-kecacatan dan kerosakan-kerosakan yang telah dikesan oleh mereka dengan mata kepala sendiri, terutamanya tentang retakan-retakan yang masih ujud. Lapuran-lapuran itu menyatakan bahawa penyiasatan telah dibuat bersabit dengannya pada 3 November 1986, 8 Jun 1987 dan 4 Mei 1988. Sambil itu juga kita perhatikan bahawa perakuan Majlis Bandaran itu telah dikeluarkan sebelum lagi sekurang-kurangnya dua pemeriksaan-pemeriksaan ini telah dilakukan. Bukankah itu satu lagi bukti yang jelas sekali bahawa perakuan ini juga tidak boleh diterima? Di dalam lapuran itu bermacam-macam perkara telah disenaraikan yang belum dilakukan oleh pihak kontraktor. Pihak plaintif di dalam afidavitnya tidak berkata apa-apa atas dakwaan-dakwaan ini.

Bantahan-bantahan atas ketidak sempurnaan bangunan-bangunan ini bukan sahaja telah datangnya dari pihak defendan, tetapi dari beberapa banyak pembeli rumah-rumah tersebut. Tidak kurang dari 14 orang telah membantah, dan menghantar surat pembantahan mereka kepada defendan yang mana salinannya telah dilampirkan. Bantahan-bantahan ini meliputi perkara-perkara bersabit dengan misalnya paip di dalam tanah bocor, kepada air dari lantai bilik di atas, meleleh ke bawah masuk ke bilik famili. Tempat membuang najis tidak mempunyai penutup. Bahkan, peguam Tengku Zuhri dan Manan adalah satu-satunya peguam yang telah membuat bantahan bagi pihak pelanggannya. Pihak plaintif dan peguam-peguamnya berkata bantahan-bantahan ini adalah perkara remeh-temeh yang biasa berlaku dan didengar dari pembeli-pembeli. Tetapi, kerana pihak plaintif dan peguam nampaknya tidak menafikan surat-surat ini, adakah tuduhan mengatakan air, (yang mungkin termasuk air kencing) yang meresap dari lantai bilik air di atas jatuh ke bawah ke bilik famili misalnya, itu perkara yang remeh-temeh? Barangkali orang yang tidak siuman akalnya sahaja yang boleh berkata demikian!

Atas apa yang saya katakan maka hujah-hujah peguam plaintif yang mengatakan perakuan arkitek itu muktamad, adalah jelas tidak boleh diterima, sekurang-kurangnya di dalam keadaan di hadapan saya ini. Tetapi, sekalipun hujah-hujah itu berasas, ia ternyata bersandarkan kepada kes-kes di England yang sendirinya bercanggah-canggah atas hal ini. Autoriti-autoriti ini didahului oleh kes *Dawnays*[1] kemudian diturut pula oleh kes *Gilbert Ash*[2] dan diakhiri oleh kes *Mottram*.[3] Kes-kes ini adalah semuanya kes di House of Lords. Kes *Dawnays* itu telah dimansuhkan oleh kes *Gilbert Ash* dan *Mottram*. Kes *Gilbert Ash*[2] itu berkata pada hakikatnya sesuatu perakuan arkitek itu adalah tidak semestinya muktamad; *Dawnays*[1] pula mengatakan sebaliknya. Kes *Mottram*[3] itu mengatakan bahawa perakuan arkitek itu adalah muktamad (ini telah disebabkan tidak ada di dalam kontrak yang bersabit bekalan yang mengatakan pihak kontraktor itu berhak kepada tindakan menolak tuntutan itu, tetapi kontrak di dalam kes *Gilbert*[2] itu mempunyai bekalan yang semacam itu). Bermakna, pada pendapat saya kes Gilbert[2] itu adalah autoritinya sekarang atas hal itu. Saya rasa pendapat Lord Salmon di dalam kes *Mottram*[3] itu mempunyai konsep yang penuh bererti dan manasabah (sungguhpun ia pihak yang minoriti) di dalam masalah ini. Ia mengatakan bahawa haruslah kita melihat masalah bersabit dengan pengakuan arkitek itu dari sudut yang lebih luas. Katanya, sebelum kes *Dawnays*[1] itu ujud, biasanya di dalam permohonan di bawah Perintah 14 (Kaedah-kaedah Mahkamah), seseorang itu boleh mendapat penghakiman sebelum perbicaraan di mahkamah pun lagi, jika kesnya itu terjelas, tetapi bagaimanapun, jika sebaliknya pihak yang menentang itu boleh menunjukkan dalil-dalil bahawa tuntutan itu boleh dipatahkan dengan satu tindakan menolak (set-off) atau tuntutan balas pula, maka haruslah perkara itu dibicarakan. Katanya tindakan ini adalah seharusnya dan adil kerana jika amalan itu adalah sebaliknya, kehidupan seseorang itu boleh menjadi hancur lebor (ruined) jika dipaksakan juga membayar jumlah bayaran yang besar yang sesudahnya, didapati ia tidak berhutang kepada plaintif, tetapi sebaliknya. Katanya konsep kesaktian pengakuan arkitek itu mula menjelma (dan saya kata menjadi huruhara) apabila Lord Denning di dalam kes *Dawnays*[1] mensifatkan pengakuan itu sebagai satu wang tunai. Lord Salmon berkata konsep ini jelas, pada hakikatnya, tidak memberi makna yang sebegitu diketarakan kerana apakah apabila ianya dibawa ke hadapan seseorang penimbangtara perakuan itu boleh dibongkar, disiasat, diulangkaji dan sebagainya. Walhal, kita tahu merekamereka yang menjadi penimbangtara itu kadangkala adalah peguam biasa sahaja. Bagaimanakah, oleh itu, kita harus lari dari kaedah yang telah berkian lama menjadi amalan, semata-mata oleh kerana seseorang arkitek itu mengatakan harga-harga kerja yang harus dibayar itu sah. Apakah keistimewaan dan kesaktian seseorang arkitek itu yang tidak boleh disiasat oleh mahkamah. Kita telah pernah mendengar arkitek-arkitek menyalahgunakan kuasa mereka. Di dalam kes ini sendiri kita telah diberitahu pihak arkitek berkenaan telah disingkirkan dari senarai arkitek oleh Majlis Bandaran atas sesuatu kesalahan yang besar yang telah dilakukanya. Saya rasa, bagi menjaga dan mengawal keselamatan pihak umum adalah perlu mahkamah di negara kita membuat keputusannya sendiri, tidak terikut-terikut dengan apa yang berlaku di England, dan memutuskan bahawa seksyen-seksyen seperti s 30 itu tidak diamalkan di sini.

Satu lagi perkara yang harus disiasat dengan lebih lanjut di dalam kes ini, ialah bersabit dengan perakuan terakhir itu sendiri. Mengikut pihak plaintif sebanyak $138,250.69 masih dihutang, tetapi perakuan itu sendiri mengatakan bahawa cuma $27,125.97 sahaja yang masih belum dibayar. Manakah satu yang betul? Pihak defendan telah membuat tuntutan balas pula, tetapi jumlahnya tidak disebutkannya. Peguamnya berkata ia masih mencari maklumat-maklumat untuk membuat tuntutan itu dan akan membuat pindaan yang sewajarnya sebelum perbicaraan. Setakat ini pihak perundingnya sendiri berkata sebanyak $50,000 kerugian telah dialami. Tetapi, bagaimanapun soal tuntutan balas itu pada pendapat saya belum berbangkit pada saat-saat ini kerana, sebagai pihak yang menuntut pihak plaintif haruslah membuktikan kesnya dengan jelas terlebih dahulu. Setakat ini, nampaknya, dia mengalami kesukaran menyempurnakan tugas itu.

Pihak plaintif telah menuntut kepada penolong kanan pendaftar yang telah membenarkannya, perlaksanaan (execution) terhadap penghakiman plaintif itu. Saya telah mengenepikan keputusan itu kerana adalah jelas sekali bahawa keupayaan pihak plaintif membuktikan rayuannya adalah sekali-kali tidak ternampak oleh saya. Saya mengakui pada dasarnya bahawa keupayaan pihak yang terbabit berjaya di dalam kesnya bagi menentukan samada sesuatu keputusan itu harus dilaksanakan sebelum perbicaraan ulangbicara itu didengar, tidak boleh menjadi ukuran. Tetapi saya tidak nampak bagaimana ianya tidak boleh menjadi ukuran, kalau kedudukan pihak defendan itu jelas sekali harus dilindungi dari akibat yang tidak diingini memandangkan kepada kedudukan kesnya.

Saya memutuskan oleh itu, bahawa permohonan ulangbicara ini dibenarkan dengan bayaran kos.

Permohonan ulangbicara dibenarkan.

Peguam: *Chin dan Rakan-Rakan*; *Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners.*

Dilaporkan oleh *Prof Ahmad Ibrahim*